



TEKS UCAPAN

**Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Selaku Tetamu Kehormat
Di Majlis Penyampaian Tauliah Amil 1440/2019**

**Pada Hari Rabu, 25 Syaban 1440
Bersamaan 1 Mei 2019**

**Bertempat Di
Jame 'Asr Hassanil Bolkiah
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَالِ الدُّنْيَا وَالْبَيْنَ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya mengucapkan berbanyak syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia nikmatNya pada hari ini seperti tahun-tahun yang sudah, Jabatan Majlis Ugama Islam mengadakan Majlis Penyampaian Tauliah Amil-Amil Seluruh Negara sebagaimana perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana baginda telah berkenan melantik amil-amil berkenaan dengan penetapan kawasan masing-masing, dengan tujuan menyempurnakan ibadat mengeluarkan zakat, samada zakat fitrah yang wajib dikeluarkan dalam setiap bulan Ramadhan atau zakat harta yang wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan haulnya.

Jumlah kutipan tahun lepas dengan bilangan pembayarnya – zakat fitrah dan zakat harta

Kutipan zakat fitrah 2018: \$967,188.51

Pembayar: 342,571 orang

Kutipan zakat harta 2018: \$16,588,175.08

Pembayar: 4,889 orang

Tuan-tuan, hadirin hadirat sekalian,

Tugas sebagai amil walau nampak mudah kerana dilihat hanya menunggu umat Islam di negara ini menyerahkan wang zakat di masjid-masjid atau di rumah-rumah amil, tapi sebenarnya ia adalah tugas yang berat kerana di sana ada perkara besar dan berat yang dipikul oleh para amil iaitu sifat jujur dan amanah.

Antara bentuk-bentuk jujur dan amanah yang dimaksudkan ialah berusaha dengan bersungguh-sungguh menjaga keselamatan wang zakat, agar jangan hilang atau tercicir atau dicuri. Wang zakat hendaklah dijaga dengan sempurna, tidak diletakkan dengan semberana dalam kereta atau dalam pejabat tanpa pengawasan.

Wang zakat juga hendaknya di serahkan dengan sempurna kepada Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan kerana di samping ia adalah kehendak peraturan audit, ia juga akan mengurangkan risiko kehilangan wang zakat. Perlulah diambil perhatian bahawa tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Tuan-tuan sekalian ini, hendaklah ditunaikan dengan sebaik-sebaiknya, kerana di samping dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna, di mana wang zakat dapat dikumpul dan akan diagihkan atau digunakan nanti, Tuan-tuan sekalian akan diberi pahala dan ganjaran yang setimpal nanti oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Tuan-tuan, hadirin dan hadirat sekalian,

Menyebut tentang agihan zakat, kita mempunyai kaedah pengagihannya sebagaimana yang ditetapkan. Majlis Ugama Islam melalui Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat selaku pentadbir zakat, akan mengagihkan keseluruhan zakat fitrah dan sebahagian zakat harta beberapa hari menjelang hari raya kepada asnaf Fakir Miskin, iaitu asnaf zakat yang terbesar di negara ini sebagai memberikan mereka peluang bersama umat Islam yang lain untuk menikmati riang ria di hari raya Aidil Fitri. Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wassalam:

أَغْنُوهُمْ عَنِ الطَّوَافِ فِي هَذَا الْيَوْمِ - رواه البهقي

Maksudnya: Cukupkanlah keperluan fakir miskin dan hendaknya janganlah mereka meminta-minta di hari ini (di hari raya).

Sebahagian dari mereka akan menerima agihan zakat ini berbentuk wang tunai dan sebahagian besar lagi akan menerimanya melalui akaun bank

masing-masing. Dengan wang ini dapatlah mereka berbelanja mencukupkan keperluan menikmati hari raya dan bagi mereka yang bijak mengatur perbelanjaan, akan membuat langkah-langkah menggunakan dengan baik.

Belum lama dulu, ada penerima wang zakat semasa Baki Wang Zakat diserahkan kepada para asnaf fakir miskin telah mengambil langkah bijak menggunakan Baki Wang Zakat yang diterimanya, dipergunakannya sebagai modal untuk berusaha berternak itik dan mendapatkan telurnya untuk dijadikan telur masin. Alhamdulillah, beliau sekarang telah menjadi pengusaha telur masin yang berjaya dan boleh dibanggakan.

Selain itu, dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini, kita di Majlis Ugama Islam mempunyai skim mengenainya iaitu Program Pengupayaan Asnaf Zakat atau PROPAZ. Melalui PROPAZ ini, para peserta dari kalangan anak-anak fakir miskin akan diberikan latihan dan bimbingan dalam pelbagai bidang yang mereka pilih sendiri dan minati merangkumi bidang masakan, jahitan, solekan, membaiki kereta, perkeranian dan sebagainya. Latihan dan bimbingan ini dijalankan dengan usaha sama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Elaun sara hidup diberikan sepanjang masa mereka berkursus. Selepas tamat tempoh berkursus, mereka akan ditempatkan bekerja di pelbagai syarikat swasta atau agensi-agensi Kerajaan yang menjadi rakan kongsi PROPAZ.

Peruntukan-peruntukan tahun 2018/2019:
PROPAZ – PPB \$137,496.00 – 22 orang
PROPAZ – PERANTIS \$128,880.00 – 19 orang
PROPAZ – ZIRA’AH \$150,000.00 – 10 orang

Dalam pada itu, Jabatan Majlis Ugama Islam telah mengorak langkah ke hadapan dengan bekerjasama dengan Institut Kemahiran Baitulmal,

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bilamana pada masa ini seramai 4 orang peserta PROPAZ telah dihantar ke sana untuk menjalani kursus. Seorang menjalani kursus bidang masakan sebagai memasuki Tahun Kedua, seorang menjalani kursus bidang pembinaan bangunan juga sebagai memasuki Tahun Kedua dan dua orang menjalani kursus dalam bidang senireka berkomputer.

Jumlah peruntukan 4 peserta PROPAZ yang menjalani latihan di Institut Kemahiran Baitulmal Kuala Lumpur

Batch 1 (masa ini memasuki Tahun Kedua) seramai 2 orang - \$16,640
--

Batch 2 (masa ini dalam Tahun Pertama) seramai 2 orang - \$17,360

Kita juga ada PROPAZ-PERANTIS iaitu skim pengupayaan yang konsepnya menempatkan peserta-peserta ini terus masuk bekerja di pelbagai syarikat swasta yang telah menjadi rakan kongsi PROPAZ.

Dan yang terbaru, kita baru memulakan PROPAZ-Az-Ziraah, iaitu skim pengupayaan asnaf zakat menerusi latihan kemahiran pertanian. Alhamdulillah, Jabatan Pertanian telah memberikan sebidang tanah di Mukim Kilanas bagi seramai 6 orang peserta PROPAZ Az-Ziraah menjalani latihan kemahiran menanam lada, jagung manis dan sayur-sayur jenis *lettuce*. Selain belajar menanam, mereka juga didedahkan dengan ilmu pemasaran produk masing-masing. Kita akan terus melihat perkembangan peserta-peserta ini dan mereka dijangka akan dapat menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pertanian dan pemasarannya dari mentor dan fasilitator masing-masing sehinggalah ke penghujung tahun 2019 ini.

Bilangan penerima PROPAZ – ZIRA’AH setakat 2019 ini dengan jumlah peruntukannya dua tahun
--

Jumlah peserta PROPAZ – ZIRA’AH sekarang 6 orang
--

Peruntukan \$150,000

Apa yang diharapkan, wang zakat yang menjadi biaya latihan seumpama ini akan terus membawa hasil, bilamana peserta-pesertanya akan dapat membebaskan diri mereka dari kemiskinan dengan menceburi bidang keusahawanan atau mendapat pekerjaan di mana-mana syarikat swasta atau pejabat-pejabat Kerajaan.

Selain program-program PROPAZ, kita masih tetap meneruskan untuk mengagihkan zakat itu berbentuk peralatan untuk berusaha seperti perahu, enjin motor sangkut dan peralatan menangkap ikan untuk mereka yang berusaha sebagai nelayan; enjin pemotong rumput untuk mereka yang berusaha sebagai pemotong rumput; mesin jahit, mesin pengisar lada dan lain-lain. Kita akan terus membantu asnaf zakat yang berkelayakan untuk diberikan peralatan berusaha ini dari masa ke semasa.

Adapun agihan zakat pada masa ini dibuat secara 2 tahun dan dibayar terus kepada akaun penerima setiap 15 haribulan.

Jumlah penerima agihan zakat pada masa ini dan jumlah peruntukannya untuk dua tahun.					
	SOKONGAN	FAKIR MISKIN	MUALLAF	ALGHARIMIN	JUMLAH DIPERUNTUKKAN
2017	1,812	1,421	7	456.00	12,511,526.34
2018	1,489	1,197	0	128	10,895,063.50
2019	743	639	0	53	5,784,990.00
	4,044	3,257	7	637	29,191,579.84

Tuan-tuan, hadirin hadirat sekalian,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas lantikan selaku Amil pada tahun ini. Saya ingin mengulangi bahawa perlunya melaksanakan amanah ini dengan jujur dan bertanggungjawab. Amil yang berjaya melaksanakan amanah ini dengan sempurna akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda, bahkan dinyatakan di dalam sebuah hadis, para amil yang berjaya melaksanakan tugas dengan sempurna, amanah, telus dan adil itu disamakan dengan para pejuang di jalan Allah :

عَنْ رَافِعٍ بْنِ حَدَيْجٍ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «الْعَامِلُ عَلَى الصَّدَقَةِ بِالْحَقِّ، كَالْغَازِيِّ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَىٰ بَيْتِهِ»

Maksudnya: Dari Rafi' bin Khadij dia berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wassalam bersabda : Amil (iaitu pegawai zakat yang berkhidmat mengutip dan mengagihkan) sedekah (zakat) dengan hak (adil dan telus) akan mendapat pahala sebanding dengan pahala tentera yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya.

(Hadis riwayat Abu Daud)

Jangan lupa untuk berdoa setiap kali selesai umat Islam itu menyerahkan wang zakatnya.

آجِرُكَ اللَّهُ فِيمَا أَعْطَيْتَ وَجَعَلَهُ لَكَ طَهُورًا وَبَارَكَ لَكَ فِيهَا أَبْقَيْتَ

Maksudnya: Semoga Allah memberikanmu ganjaran pahala atas zakat yang kau berikan, semoga Allah menjadikannya harta yang bersih untukmu dan semoga Allah memberkati hartamu yang masih kau miliki

Akhirnya, saya berdoa semoga usaha-usaha kitani yang berkebajikan ini akan diperhitungkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai amal kebajikan dan mendapat balasan pahala di hari Akhirat kelak.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
24hb Sya'ban 1440/ 30hb Mei 2019.